

14/06/2001

Mesyuarat bincang usaha salur gas bersih

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan Inisiatif Tenaga Bersih, Perkongsian bagi Pertumbuhan Saksama (PEG), pada mesyuarat Mejabulat Kuala Lumpur kelmarin.

Pada mesyuarat mejabulat itu, Perdana Menteri diberi taklimat oleh eksekutif kanan syarikat minyak dan gas terbesar dunia mengenai status inisiatif tenaga bersih yang dilaksanakan syarikat dan negara masing-masing. Perbincangan juga dibuat mengenai peranan Grid Gas Asean (AGG) dan kepentingannya dalam menyalurkan tenaga bersih dalam bentuk gas asli kepada pasaran Asean dan Timur Laut Asia.

Pada majlis pelancaran itu, ketua eksekutif PEG, Dr Shafiq Abdullah menyerahkan Laporan PEG 2001 mengenai Sistem Inisiatif Tenaga Bersih dan Sokongan Prasarana kepada Dr Mahathir, yang juga adalah penaung PEG.

Mesyuarat mejabulat tertutup itu disertai oleh pengarah PEG, usahawan utama dalam bidang minyak dan gas, sektor tenaga badan antarabangsa dan badan berkaitan Apec. Perwakilan dari beberapa syarikat minyak terkemuka, seperti BP dan Shell, di samping syarikat minyak milik negara (NOC), seperti Petrolim Nasional Bhd (Petronas) dan Lembaga Petroleum, Thailand turut hadir, kata PEG dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Shafiq berkata: "Kami berharap mesyuarat Mejabulat KL akan menangani beberapa isu utama dalam usaha mendapatkan satu rumusan khusus untuk dibentangkan pada Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Shanghai tahun ini.

"Ini termasuklah perbincangan mengenai Grid Gas Asia dan saluran ASEAN Gas sebagai usaha menyalurkan tenaga bersih dalam bentuk gas asli," katanya.

PEG adalah sebuah pertumbuhan bukan berasaskan keuntungan APEC yang diperbadankan di Kuala Lumpur untuk membantu anggotanya menyiapkan diri untuk menghadapi kesan liberalisasi dan globalisasi.

Shafiq berkata, kajian yang dijalankan menunjukkan penggunaan tenaga negara sedang membangun akan jauh melebihi negara perindustrian. Pasaran tenaga itu dijangkakan bernilai lebih AS\$4 trilion hingga AS\$5 trilion dalam tempoh 20 tahun akan datang.

"Seperti yang dikatakan penaung kami (Dr Mahathir), dunia membakar 77 juta tong minyak sehari setiap hari dan jumlah haba yang dikeluarkan membahayakan alam sekitar dan kesannya sudah mula dirasakan sekarang.

"Sehubungan itu, sekarang tepat pada masanya satu inisiatif tenaga masa depan bermula dengan model yang diselidik menggunakan prinsip tenaga bersih dalam bentuk gas asli atau hidroelektrik," katanya.

(END)